



NST 24.11.2012 1 & 2

PERIKSA ...Timbalan Panglima Tentera Laut Malaysia, Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin Ali ketika melakukan pemeriksaan ke atas Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut (Palapes) - Laut) Universiti Malaysia Sabah (UMS) ketika hadir melancarkan Palapes Laut UMS di universiti itu kelmarin. - Cerita lanjut lihat Mua 2

TLDM sasarkan 5,000 anggota Palapes-Laut

NST 24.11.2012 / 2

KOTA KINABALU: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menasarkankan 5,000 keanggotaan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut (Palapes-Laut) bagi mencapai nisbah satu anggota Palapes kepada dua anggota TLDM.

Timbalan Panglima Tentera Laut Datuk Mohammed Noordin Ali berkata jumlah itu bagi meyakinkan TLDM terhadap kekuatan pasukan simpanannya apabila diperlukan kelak.

"Sekarang anggota Palapes hampir 3,000 manakala kekuatan TLDM kira-kira 15,000.

"Anggota Palapes merupakan orang yang terlatih dan mempunyai tahap disiplin yang tinggi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Palapes-Laut Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini. Sementara itu, keanggotaan penuntut

institit pengajian tinggi (IPT) dalam Palapes merupakan pilihan yang tepat kerana penuntut bukan sahaja dapat menimba ilmu ketenteraan sebagai persediaan untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM), malah latihan yang dijalankan menyeluruh dan anggota mampu menyumbang kepada mana-mana organisasi.

Menurutnya terdapat 10 Palapes-Laut di peringkat IPT di seluruh negara.

Naib Canselor UMS Datuk Mohd Harun Abdullah berkata penubuhan Palapes-Laut UMS diharap dapat menjalin perkongsian strategik dengan TLDM, khususnya dalam melengkapi kekuatan Pangkalan TLDM Sepanggar tidak jauh dari UMS.

Beliau berkata UMS kini mempunyai dua kumpulan Palapes-Laut masing-masing dengan 29 anggota.



CENDERA HATI ... Mohammed Noordin (kanan) menerima cenderahati daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang juga Komander Palapes (UMS) Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah selepas melancarkan Palapes Laut UMS di universiti kelmarin.